

## KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU MATEMATIK SEKOLAH MENENGAH

Norazman Arbin<sup>1</sup>, Nor'ain Mohd. Tajudin<sup>2</sup>, Nur Fazliana Rahim<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Department of Mathematics, Faculty of Sciences and Mathematics, UPSI, 35900 Tanjung Malim, Perak.  
<sup>3</sup>Pusat Pengajian Pra Universiti, UNIMAS, 94300 Sarawak.

<sup>1</sup>[norazman@fsmt.upsi.edu.my](mailto:norazman@fsmt.upsi.edu.my), <sup>2</sup>[norain@fppm.upsi.edu.my](mailto:norain@fppm.upsi.edu.my), <sup>3</sup>[mfazliana@preuni.unimas.m](mailto:mfazliana@preuni.unimas.m)

### ABSTRACT

*This study is designed to identify the quality of teaching and learning of mathematics teachers at secondary schools in Kangar, Perlis. Specifically, this study focuses on students' level of perception towards teaching and learning quality of the mathematics teachers at school, its relationship with mathematics achievement and the difference in perception between students of different genders. This is a survey research through questionnaires involving 120 form four students as the research samples. The instrument used is a set of questionnaires comprising 21 items of question covering the quality of teaching and learning of the teachers. The data collected are analysed by using the computer software, Statistical Package for the Social Science (SPSS). Students' perceptions on the quality of teachers' teaching and learning are based on the level of perceptions of 5 point Likert scale. In general, the result shows that the students' level of perceptions on the quality of teachers' teaching and learning is in a good category. However, there is no significant relationship between male and female perception toward the quality of teachers' teaching and learning and their achievements. Beside that, the result also shows that there is no difference of perception on the quality of teachers' teaching and learning between them. Finally, the findings of this research would be a guideline for teachers in order to enhance the quality of teaching and learning.*

*Keywords: quality of teachers' teaching and learning*

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kualiti pengajaran dan pembelajaran (P & P) guru matematik sekolah menengah di kawasan Kangar, Perlis. Secara spesifiknya, kajian ini berfokuskan kepada tahap persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran (P & P) guru matematik sekolah menengah, hubungannya dengan pencapaian matematik dan perbezaan persepsi antara pelajar lelaki dan perempuan. Kajian ini merupakan kajian tinjauan melalui soal selidik yang melibatkan 120 orang pelajar tingkatan empat sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set soal selidik yang mengandungi 21 item soal selidik yang merangkumi kualiti pengajaran dan pembelajaran guru. Data yang dipungut melalui soal selidik di analisis menggunakan perisian komputer, Statistical Package for the Social Science (SPSS). Persepsi pelajar terhadap kualiti P & P guru adalah berdasarkan kepada tahap persetujuan yang diukur menggunakan skala Likert lima poin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran guru matematik secara keseluruhannya adalah dalam kategori baik. Namun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan pencapaian matematik mereka sama ada pelajar lelaki atau pelajar perempuan. Selain itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Oleh itu, dapatan kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru bagi meningkatkan kualiti P & P mereka.*

*Katakunci: : kualiti pengajaran dan pembelajaran guru*